

## Permasalahan Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kerajaan di Wilayah Yala, Thailand

Nurnee Bukehmatee<sup>1</sup>, Ummul Ummah Tohlong<sup>2</sup>, Assumani Maso<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Department Of Teaching Malay And Educational Technology, Faculty Of Education, Fatoni University, Pattani, Thailand

<sup>2</sup>Department Of Teaching Malay And Educational Technology, Faculty Of Education, Fatoni University, Pattani, Thailand

<sup>3</sup>Department Of Teaching Malay And Educational Technology, Faculty Of Education, Fatoni University, Pattani, Thailand

[Thailand1nurnee2491@Gmail.Com](mailto:Thailand1nurnee2491@Gmail.Com), [t.Ummah@Ftu.Ac.Th](mailto:t.Ummah@Ftu.Ac.Th), [asmanimaso58@Gmail.Com](mailto:asmanimaso58@Gmail.Com)

### ARTICLE INFO

Submit : 14-08-2023  
Review : 21-08-2023  
Accepted : 25-08-2023  
Published : 01-09-2023

### Keyword :

*Problems,  
Malay Language Curriculum,  
Government Secondary Schools*

### ABSTRACT

This paper discusses the problems of the Malay language curriculum in Government Secondary Schools (SMK) in Yala Province, Thailand. This study uses a qualitative approach. Two methods of obtaining data were used, namely document analysis and interviews. This study was conducted with the aim of identifying the form of problems in the Malay language curriculum in government schools in the Yala Province. In addition, the researcher gave suggestions to overcome the problem of the Malay curriculum that can be a reference for government secondary schools in the Yala Province. The results of this study show that there are several problems in the Malay language curriculum in government secondary schools, namely the problem of drafting the syllabus, implementation, learning objectives, content and assessment. Steps to overcome the problem, the drafters need to think of plans and preparations that can help the relevant parties to enact a dynamic curriculum.

### 1. Pengenalan

Sejarah penggunaan bahasa Melayu sudah lama wujud, iaitu sejak bahasa Melayu digunakan dalam sistem pendidikan secara tidak formal bagi mempelajari al-Quran, kitab agama dan sebagainya di rumah tok guru atau di pondok-pondok. Manakala di masjid, mereka menggunakan bahasa Melayu ketika membaca khutbah. Tulisan yang digunakan dalam masyarakat ini adalah dalam tulisan Jawi, iaitu sistem tulisan yang lebih terkenal daripada tulisan Rumi. Orang Melayu di Selatan Thailand berasal dari pelbagai daerah Melayu, seperti Pattani asli, Semenanjung Tanah Melayu, dan dari seberang laut seperti Jawa, Minangkabau, Palembang, Medan, Aceh, Singapura yang sebahagian besar mereka masih menggunakan bahasa Melayu (Worawit Baru, 1999: 77). Manakala, yang lain pula berketurunan Negrito yang menggunakan bahasa Thai Selatan (Worawit Baru, 1999: 68). Sebelum abad ke -13 lagi, pengaruh Islam mulai mendominasi Nusantara. Terdapat ramai orang Melayu dari Aceh, Pasai, Medan, dan Semenanjung seperti Kedah, Perlis, Pahang, Melaka, Kelantan dan Terengganu menetap di Nakon Sri Tammarat (Paitoon M. Chaiyanara, 2000: 6).

Pada 3 April 1947, masyarakat Pattani di bawah Haji Solong Tokmina, mengambil persetujuan memohon pengiktirafan ras dan kebudayaan Melayu kepada kerajaan pusat Thailand. Ini merupakan satu usul agar masyarakat Muslim dapat mengamalkan dan mempertahankan cara hidup keislaman yang berteraskan adat dan budaya Melayu.

Dalam tujuh permohonan itu, tiga perkara berhubung dengan status bahasa dan bangsa Melayu:

- Mengadakan pelajaran Bahasa Melayu pada tiap-tiap tahap sekolah Mukim
- (Sekolah Rendah Kebangsaan) bagi kanak-kanak berumur tujuh tahun sebelum mereka belajar bahasa Thai atau bercampur pelajaran dengan bahasa Thai;
- Tulisan Jawi dan tulisan Thai menjadi tulisan rasmi; dan
- Lapan puluh peratus pegawai pejabat di daerah itu haruslah orang Melayu beragama Islam.

(Ahmad Fathy 2002: 136, & Surin Pitsuwan, 1989: 118)

Permohonan pertama jelas menunjukkan bahawa masyarakat Islam inginkan sekolah rendah yang ada kurikulum Bahasa Melayu kerana dalam sekolah dasar sebelum itu, tidak ada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Maka dengan adanya permohonan ini menyebabkan bahasa Melayu dimasukkan dalam kurikulum di sekolah rendah kerajaan. Walau bagaimanapun rancangan tersebut tidak berjaya menarik minat mereka untuk mempelajari Bahasa Melayu. (Worawit Baru, 1999: 243).

Rancangan kerajaan memasukkan pengajian Bahasa Melayu di sekolah rendah kerajaan sejak mula lagi adalah untuk menggalakkan masyarakat Melayu menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah kerajaan supaya dapat menarik orang Melayu untuk mempelajari bahasa Thai. Setelah tujuan tersebut menampakkan hasil, maka kelas Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan (SMK) mula dikurangkan, ada pula sebahagian sekolah dibenar untuk mengajarkan Bahasa Melayu hanya pada waktu tambahan atau setelah kelas biasa sudah tamat. Guru-guru Bahasa Melayu di sekolah kerajaan ditukar status sebagai guru masakan, pertanian, kesenian dan sebagainya (Worawit Baru, 1999: 244). Sebahagian daripada guru yang mengajarkan Bahasa Melayu dituduh tidak memberi sokongan sepenuhnya dalam membangunkan bahasa Thai. Maka guru-guru ini terpaksa meninggalkan sekolah dan ada yang keluar negeri (Ratya Saleh, 2001: 61).

Tahun 1955 hingga 1958 pelajaran Bahasa Melayu yang diajar dengan tulisan Rumi atau Jawi semakin ditekankan daripada sistem pendidikan kerajaan (Worawit Baru, 1999: 244, Ratya Saleh, 2001: 61). Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah kerajaan dihentikan. Maka ibu bapa juga terpaksa menghantar anak mereka ke kelas pengajian aliran agama dan kelas bahasa Melayu di surau, masjid, tadika atau di sekolah pondok yang berhampiran dengan rumah mereka pada waktu petang selepas waktu balik dari sekolah kerajaan atau dua hari seminggu, iaitu hari Sabtu dan Ahad (Ratya Saleh, 2001: 61). Pada malam hari kanak-kanak berulang-alik atau langsung tidur di rumah tok guru yang mengajarkan al-Quran atau di pondok sehingga waktu pagi, disebabkan kedudukan rumah mereka berjauhan dengan rumah guru (Sutiphon Phompaicit, et. al. 1998: 3).

Berpijak dari kedudukan bahasa Melayu di Thailand itu tidak sama dengan negara Melayu yang lain, dimana negara tersebut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa resmi negara. Tetapi di Thailand khususnya di Selatan Thai, Bahasa ibunda Melayu dianaktirikan walaupun kalau lihat jumlah penduduk yang beragama Islam dan beretnik Melayu sekitar 95 peratus. Dalam setiap aspek kehidupan harian mereka, masyarakat Melayu Patani menggunakan bahasa Melayu Patani sebagai bahasa perhubungan utama mereka. Pada umumnya, bahasa Melayu Patani bukan sahaja digunakan dalam pergaulan seharian mereka, malah turut meliputi upacara adat dan keagamaan.

Pada 23 November 2006, Ahli Palimen Thailand telah bersetuju bahawa Wilayah Sepadan Selatan Thai (WSST) perlu mempunyai pentadbiran khas. WSST terdiri daripada wilayah Yala, Pattani, Narathiwat, Satun dan empat daerah wilayah Songkhla seperti daerah Jana', Nathawi, Sabayoi dan Thepa (Pusat Pembangunan Pendidikan WSST, 2008:2). Majoriti masyarakat di WSST beragama Islam dan mengamalkan budaya hidup Melayu. Selain itu, WSST juga menggunakan bahasa Melayu tempatan dalam perbualan harian untuk berkomunikasi dan membina perasaan bersatu untuk memupuk kedamaian. Oleh itu, kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kawasan tersebut perlu mempunyai sistem pendidikan yang sistematik dan terancang.

Namun begitu, mata pelajaran Bahasa Melayu tidak ditawarkan di semua sekolah kerajaan di bawah Pejabat Ahli Jawatankuasa Pendidikan Peringkat Asas, kecuali sekolah kerajaan yang mempunyai bilangan pelajar Muslim melebihi 50 peratus sahaja yang diwajibkan mempelajari pelajaran Bahasa Melayu. Pada peringkat sekolah rendah mata pelajaran Bahasa Melayu di bawah mata pelajaran Pendidikan Islam. Manakala, mata pelajaran Pendidikan Islam pula tergolong di bawah mata pelajaran Kemahiran Hidup. Bagi sekolah menengah kerajaan (SMK) pula, mata pelajaran Pendidikan Islam tergolong di bawah mata pelajaran Pendidikan Sains Sosial, Agama dan Kebudayaan. Begitu juga dengan mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat menengah mempunyai kekurangan seperti kemahiran bahasa. Hal ini disebabkan oleh masa pembelajaran Pendidikan Islam yang digabungkan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu hanya diperuntukkan dua jam seminggu.

Dengan pelbagai sistem pendidikan dan pusat pengajian di WSST ini menyebabkan kualiti dan hasil pembelajaran Bahasa Melayu seseorang pelajar itu menjadi lemah daripada segi persaingan dalam peperiksaan untuk menyambung pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, kebanyakan pelajar menggunakan masa yang lebih banyak untuk mempelajari mata pelajaran yang lain selain Bahasa Melayu. Manakala, bentuk isi kandungan pembelajaran Bahasa Melayu pula yang tidak sistematik.

Hal ini disebabkan, kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah tersebut saling tidak bertautan. WSST mempunyai masalah yang berlainan dengan wilayah lain seperti perbezaan daripada segi agama, bahasa, masalah kemiskinan rakyat dan masalah kesan terhadap pembangunan pendidikan (Laporan Pejabat Setiausaha Kementerian Pendidikan: 2008). Jelaslah di sini bahawa kurikulum Bahasa Melayu yang digubal oleh Kementerian Pendidikan itu masih tidak lengkap dan tidak bertautan dari segi isi pembelajaran (Samnakngan Khana' Kammakarn Karn Suksa Khan Pertharn, 2007: 2).

Penjelasan di atas, membuktikan bahawa kurikulum Bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh Pejabat Ahli Jawatankuasa Pendidikan Asas yang dilaksanakan di SMK

mempunyai pelbagai masalah dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu. Kurikulum Bahasa Melayu yang digubal oleh pusat ini masih tidak lengkap dan tidak bertautan daripada segi matlamat pendidikan, objektif pembelajaran, isi pembelajaran dan masa pembelajaran. Masalah ini perlu dibaiki supaya dapat meningkat mutu pendidikan di WSST dan dapat membentuk individu ke satu arah tertentu.

## 2. Tujuan Kajian

2.1 Menjelaskan bentuk permasalahan dalam melaksanakan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan di wilayah Yala.

2.2 Mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan di wilayah Yala.

## 3. Soalan Kajian

3.1 Apakah bentuk permasalahan pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan di wilayah Yala?

3.2 Apakah langkah yang boleh dipertimbangkan untuk mengatasi keperluan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan pada masa hadapan?

## 4. Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Untuk mengumpulkan data, pengkaji menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu analisis dokumen dan temu bual. Dokumen yang dianalisis merupakan kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu yang diguna pakai di sekolah menengah kerajaan manakala temu bual pula dijalankan ke atas tiga orang guru sekolah menengah kerajaan, dua orang kakitangan dari pejabat Pendidikan Wilayah Yala yang mempunyai pengalaman luas dalam pembinaan kurikulum Bahasa Melayu, dan dua orang pensyarah Bahasa Melayu di universiti tempatan.

## 5. Dapatan Kajian

**Soalan Kajian 1 :** Apakah bentuk permasalahan pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah kerajaan di wilayah Yala?

A. Nicholls dan S.H. Nicholls (1978) menyarankan lima langkah yang perlu ada dalam sesebuah kurikulum, iaitu tujuan pendidikan, pembentukan kaedah, perkembangan dan pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Helda Taba (1962) juga memberikan pendapat yang sama. Namun begitu dari segi organisasinya agak berbeza. Kurikulum mengikut model Taba perlu mengandungi enam perkara, iaitu penentuan kurikulum, pembentukan objektif, pemilihan isi atau kandungan, penyusunan isi, pemilihan

pengalaman, dan menentukan apa yang hendak dinilai dan cara-cara melaksanakannya.

Daripada analisis yang dilakukan ke atas kurikulum Bahasa Melayu, pengkaji mendapati bahawa kurikulum Bahasa Melayu di sekolah kerajaan di wilayah Yala diorganisasikan berdasarkan empat subkomponen kurikulum, iaitu Matlamat Pendidikan Bahasa Melayu, Objektif Pendidikan Bahasa Melayu, Isi Kandungan Kurikulum Bahasa Melayu, dan Penilaian Bahasa Melayu. Berdasarkan subkomponen ini, kurikulum Bahasa Melayu di sekolah kerajaan di wilayah Yala nampak berbeza berbanding dengan model kurikulum Taba dan Nicholls. Namun, dari segi kandungannya kurikulum ini tidak berbeza dengan kurikulum-kurikulum yang dicadangkan oleh pakar kurikulum yang dikaji. Berbanding dengan kurikulum yang dicadangkan oleh Nicholls, kurikulum Bahasa Melayu di sekolah kerajaan di wilayah Yala tidak mengandungi komponen maklum balas. Mungkin komponen ini disatukan dengan komponen penilaian dalam kurikulum sekolah kerajaan. Jika dibandingkan dengan model kurikulum Taba pula, kurikulum Bahasa Melayu di sekolah kerajaan ini tidak mengandungi komponen penentuan keperluan. Komponen ini barangkali tidak disenaraikan kerana penentuan kurikulum berada peringkat penggubalan kurikulum tetapi tidak di peringkat dokumentasi.

Kurikulum Bahasa Melayu 2551Bd [2008] merupakan kurikulum kedua yang dilaksanakan di SMK yang digubal oleh Pejabat Ahli Jawatankuasa Pendidikan Peringkat Asas. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa masalah dalam proses pembentukan kurikulum Bahasa Melayu di iaitu penggubal kurikulum Bahasa Melayu di SMK terdiri daripada guru yang hanya mempunyai pengalaman dan pengetahuan berbahasa Melayu ketika mereka belajar agama Pendidikan Islam di universiti tempatan atau di Malaysia dan di Indonesia. Guru-guru tersebut tidak mempunyai kelayakan ilmiah dalam bidang Bahasa Melayu. Namun begitu, disebabkan kekurangan guru Bahasa Melayu, guru-guru itu telah dilantik sebagai tenaga pengajar dan penggubal kurikulum Bahasa Melayu. Oleh sebab itulah, kurikulum yang dibentuk tidak menepati standard yang sepatutnya.

Selain itu, pelaksanaan kurikulum di sekolah juga masih terhad dan terbatas. Hal ini kerana pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu di SMK ini telah diserapkan ke dalam kurikulum Pendidikan Islam dan tidak diasingkan sebagai satu subjek dalam bidang yang berasingan. Oleh sebab itu, peruntukan masa yang diberikan sangat terhad sedangkan kandungan yang hendak diajarkan adalah banyak. Kekangan masa ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu tidak dapat dijalankan dengan berkesan.

Selain dua masalah tersebut, sukatan pelajaran Bahasa Melayu di SMK ditulis dalam bahasa Thai dan tidak diterjemahkan ke bahasa Melayu. Oleh itu, wujud kekeliruan dalam kalangan para guru untuk menterjemah

istilah-istilah mengikut laras bahasa Melayu yang tepat. Para guru telah membuat terjemahan istilah terus daripada bahasa Thai ke bahasa Melayu. Dengan demikian, timbullah kekeliruan dan kesalahan dari aspek makna dan tatabahasa bahasa Melayu.

Objektif pembelajaran yang digubal untuk SMK telah menggunakan istilah 'standard'. Hanya satu standard sahaja yang terdapat dalam kurikulum ini, iaitu 'mengetahui dan memahami proses mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta mempunyai kemahiran dan menghayati kelebihan kegunaan bahasa Melayu untuk pembelajaran'. Daripada objektif di atas, pengkaji mendapati objektif kurikulum ini terlalu umum dan tidak khusus.

Dalam kurikulum Bahasa Melayu 2551Bd (2008) hanya terdapat pernyataan objektif dan kerangka isi kandungan pelajaran. Pengisian kurikulumnya tidak memasukkan aspek-aspek seperti ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosio-budaya dan kemahiran bernilai tambah. Selain itu, strategi pengajaran dan pembelajaran seperti pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran tidak dimasukkan sebagai satu panduan kepada guru untuk menyampaikan pengajaran yang berkesan kepada pelajar.

Masalah penilaian juga mesti diberi tumpuan. Pengkaji mendapati guru-guru di sekolah kurang memberi tumpuan terhadap penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Masalah penilaian ini merupakan perkara yang menimbulkan banyak tanda tanya selepas pengiktirafan dibuat mengenai nilai yang akan diberi kepada pelajar terhadap ujiannya. Bahan penilaian yang digunakan juga tidak menurut piawaian yang standard. Penilaian yang dibuat hanya mengikut soalan dan pengalaman guru-guru Bahasa Melayu. Panduan penggubalan soalan tidak diberikan kepada para guru. Hal ini menyebabkan keesahan sesuatu ujian yang digunakan untuk menilai pelajar kurang berkesan.

Dapatan kajian daripada temu bual bagi menjawab soalan ini selari dengan analisis pengkaji terhadap dokumen kurikulum. Beberapa orang yang berpendapat masalah yang dihadapi ialah dari segi reka bentuk, perancangan dan pelaksanaannya. Berdasarkan pendapat responden di atas jelas bahawa masalah pertama dalam kurikulum di SMK, iaitu masalah perancangan dan pelaksanaan. Responden juga memberi pendapat tentang masalah yang terdapat di sekolah mereka sahaja, iaitu bahasa pengantar dalam kurikulum itu dicampur dengan bahasa Thai. Hal ini menyebabkan kekeliruan kepada guru. Daripada keseluruhannya, hasil temu bual tentang soalan ini membuktikan bahawa kurikulum Bahasa Melayu di SMK di wilayah Yala bermasalah. Dapatan kajian membuktikan bahawa semua responden memberi pendapat yang hampir sama dengan pendapat orang lain. Kebanyakan mereka berpendapat bahawa kurikulum Bahasa Melayu di SMK bermasalah daripada segi

perancangan dan pelaksanaan, iaitu tidak terancang dan tidak bersepadu dengan kehendak pelajar dan masyarakat.

**Soalan Kajian 2 :** Apakah langkah yang boleh dipertimbangkan untuk mengatasi keperluan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah agama swasta pada masa hadapan?

Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi keperluan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kerajaan di wilayah Yala pada masa hadapan.

Langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan untuk mengatasi masalah keperluan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah kerajaan adalah seperti berikut:

- a. Bagi melaksanakan kurikulum Bahasa Melayu secara berkesan penggubalan kurikulum perlu mengesan masalah-masalah yang berkaitan dengan pelaksanaannya;
- b. Kerajaan perlu menyemak kembali kelemahan yang terdapat dalam kurikulum;
- c. Penggubal kurikulum perlu melantik jawatankuasa khas yang tetap untuk menyelaraskan kegiatan perkembangan kurikulum;
- d. Kurikulum Bahasa Melayu di sekolah kerajaan perlu diasingkan dengan kurikulum Pendidikan Islam;
- e. Bentuk kurikulum Bahasa Melayu perlu direka khas dalam dwibahasa, bahasa Melayu dan juga bahasa Thai supaya dapat mempermudah guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran;
- f. Isi kandungan kurikulum perlu dikemaskinikan, dipelbagai dan diperluaskan lagi;
- g. Isi kandungan kurikulum perlu dinilai dan dirombak semula supaya wujud dalam keadaan tersusun, berurutan, berkaitan dan bermakna. Ini bermakna ilmu pengetahuan yang dipilih haruslah diatur sesuai dengan tahap kebolehan murid serta berfokus kepada matlamat dan objektif pendidikan itu sendiri;
- h. Perancangan dan pelaksanaan kurikulum perlu mengambil kelayakan guru-guru bukan sekadar pengalaman sahaja;
- i. Objektif kurikulum boleh diperluaskan lagi supaya dapat diseimbangkan dengan isi kandungan kurikulum;
- j. Kaedah dan pendekatan perlu ditumpukan kepada penyampaian yang lebih menarik supaya pelajar dapat menguasai kemahiran dan isi kandungan dengan berkesan serta dapat menggunakan semula apabila diperlukan; dan
- k. Pihak tertentu perlu mengadakan kursus atau seminar yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan kurikulum Bahasa Melayu kepada guru-guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Berdasarkan pendapat temu bual responden dapat disimpulkan bahawa semua responden memberi pendapat

yang hampir sama dari segi langkah-langkah untuk mengatasi masalah kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah di wilayah Yala. Dapatan kajian temu bual menunjukkan hampir semua responden berpendapat langkah pertama yang boleh mengatasi masalah kurikulum Bahasa Melayu di sekolah-sekolah itu ialah pihak kerajaan perlu merancang dan melantik jawatankuasa khas untuk menggubal kurikulum yang lebih sistematik dan terperinci isi kandungannya.

## 6. Rumusan

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, dapatan kajian ini dapat dirumuskan seperti yang berikut:

1. Dari segi pembinaan kurikulum, kajian ini mendapati bahawa badan penggubal kurikulum Bahasa Melayu di wilayah Yala mengikut prinsip penggubalan kurikulum yang standard. Walaupun subkomponen yang dicadangkan oleh jawatankuasa pengubalan tidak sama dengan subkomponen yang dicadangkan oleh Helda Taba (1962) dan A. Nicholls & S.H. Nicholls (1978), kandungan kurikulum itu masih ada;
2. Subkomponen isi kandungan perlu disertai dengan huraian kurikulum yang terperinci. Hal ini bagi memudahkan guru menjadikannya panduan untuk mengajar. Kurikulum yang bersifat umum memungkinkan guru-guru membuat tafsiran sendiri;
3. Kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menengah agama swasta perlu disemak semula. Pada asasnya hampir semua perkara telah dimasukkan dalam kurikulum Bahasa Melayu tetapi tidak dibuat secara tuntas dan rinci. Banyak lagi perkara penting yang tidak dimasukkan dalam kurikulum Bahasa Melayu;
4. Terdapat penggunaan istilah bahasa Melayu yang tidak tepat dalam kurikulum. Contohnya penggunaan 'kata hubung' bagi menghuraikan kata sendi nama di, daripada, dari, ke, dan kepada. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya pihak jawatankuasa penggubalan melantik pakar bahasa Melayu bagi membantu mengemaskinikan kurikulum sedia ada; dan
5. Untuk mengelakkan ketidakseragaman dalam kurikulum, pengkaji mencadangkan supaya kurikulum Bahasa Melayu digubal oleh jawatankuasa yang sama setiap peringkat kelas pembelajaran.

## Daftar Pustaka

- Abdulroya Panamala. (1995). *Kedudukan dan Kewibawaan Bahasa Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand: Renungan Sejarah Silam dan Ramalan Arah Tuju Masa Depan*. Dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Nordin. (1991). *Kurikulum: Perspektif dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjong Malim: Quantum Book.
- Ahmad Fathy al-Fatani. (2002). *Ulama Besar dari Pattani*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Omar Chapakia. (2000). *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Kedah: Pustaka Darul Salam & Rmi Multimedia Publishing.
- Ishak Ramli. (2005). *Inilah Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Krasuang Suksa Thikarn. (2002). *Laksoot Karnsuksa Khan Perntharn*. Bangkok: Rongpim Kurusapha.
- Laksoot Islam Suksa Khan Pern Tharn Phuttasakarach 2549 Bd [2006]*. Bangkok: Krasuang Suksathikarn.
- Laksoot Islam Suksa Khan Pern Tharn Phuttasakarach....(T. Th)*. Bangkok: Krasuang Suksathikarn.
- Laksoot Islam Suksa Phuttasakarach 2546 Bd*. (2003). Bangkok: Krasuang Suksathikarn.
- Laksoot Islam Suksa Tornton 2564Bd (2003)*. Yala: Soon Phattana Karn Suksa Park Suksa II.
- Nicholls, A & Nicholls, S.H. (1987). *Perkembangan kurikulum satu panduan praktis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paitoon M Chainara. (2000). *Pemantapan Jati Diri Dialek Melayu Tambralingga di Thailand*. Dalam Seminar Antara Bangsa Melayu Alaf Baru 2000, (m.s. 7-9). Shah Alam: UiTm. Mara Selangor.
- Paitoon M. Chaiyanara (2003). *Hambatan "Sturktur Bahasa Ibunda dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Thai"*. Dalam Atiah Hj. Mohd. Salleh dan Ramlah Muhamad (Plgr) Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing (yg ke 12, m.s. 136-155). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sermsak Wisalaporn. (2007). *Sapap karn jad karn suksa nai cangwat chaideang pak tai*. Bangkok: Kementerian Pendidikan.
- Sumit Khunanu'kun. (1980). *Laksoot lae Karn Sorn*. Bangkok: Krung Siam Karn Pim.
- Taba, H. (1962). *Curriculum development*. New York: Harcourt, Brace & World, Unc.
- Tarigan, Henry Guntur. (1993). *Dasar-dasar Kurikulum Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Wongyai, Wichai. (1994). *Karnphattana laksoot beab krop wongchorn*. Bangkok: Chulalongkorn Maha Withayalai.
- Worawit @ Haji Ahmad Idris. (2002). *Politik dan Bahasa Melayu di Selatan Thai*. Dewan Bahasa, 28-32.